

**INKUES KEMATIAN KANAK-KANAK DALAM JAGAAN: PERBANDINGAN
ANTARA MALAYSIA DAN AMERIKA SYARIKAT**

Nurul Sharmin Ahmad Zahari*

Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa
Universiti Melaka
nurulsharmin@kuim.edu.my

Muhamad Helmi Md Said

Pensyarah Senior, Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
mhelmisaid@ukm.edu.my

**Corresponding author*

Received Date: 30 October 2022 Accepted Date: 30 November 2022 Published Date: 31 December 2022

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan menjelaskan tatacara siasatan kematian kanak-kanak yang mati sewaktu dalam jagaan, siapakah yang terlibat serta peranan pihak-pihak yang terlibat sewaktu siasatan dijalankan. Artikel ini juga akan mengupas aspek prosidur yang terkandung dalam Seksyen 334 Kanun Acara Jenayah (Akta 593) serta Arahan Amalan KHN Bil. 2 Tahun 2019 dan perbandingan akan dibuat ke atas tatacara siasatan kematian kanak-kanak yang mati dalam jagaan di Amerika Syarikat. Seterusnya, artikel ini akan turut mengenal pasti kelemahan yang wujud dalam siasatan kematian di negara Malaysia dan seterusnya mencadangkan penambahbaikan kepada tatacara amalan yang sedia ada. Kajian ini dihasilkan dengan menganalisis pelbagai teks seperti kes-kes, statut, jurnal, dan buku-buku.

Kata Kunci: inkues, kematian, punca, kanak-kanak, jenayah, mati dalam jagaan, siasatan kematian

INQUEST OF THE DEATH OF CHILD IN CUSTODY: A COMPARISON BETWEEN MALAYSIA AND THE UNITED STATES

ABSTRACT

This article aims to explain the procedure of investigation of deaths of child while in custody, who is involved and the role of the parties that involved in the investigation. This article will also address the procedural aspects contained in Section 334 of the Criminal Procedure Code (Act 593) and a comparison will be made on the procedure of investigation the death of child who die in custody in the United States of America. In turn, this article will also identify the weaknesses that exist in the death investigation in Malaysia and propose improvements to existing practice. This study was produced by analysing various texts such as cases, statutes, journals, and books.

Key words: *inquest, death, cause, child, criminal, death in custody, death investigation*

PENDAHULUAN

Sejak kebelakangan ini negara Malaysia sering dikejutkan dengan kematian bayi dan kanak-kanak sewaktu dalam jagaan di rumah pengasuh (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2012). Kematian adalah disebabkan kecuaiannya dipihak pengasuh sendiri seperti mati akibat tersedak susu, terjatuh dan mengalami pendarahan dalaman yang teruk, serta yang paling teruk sekali ialah kanak-kanak mati akibat didera. Kes kematian kanak-kanak dalam jagaan pengasuh semakin menular di negara Malaysia dan ia seolah-olah tidak mempunyai pengakhiran. Dan beberapa kes yang dilaporkan cukup menyayat hati iaitu antaranya ialah kes penemuan mayat bayi lelaki Adam Raykal Mohd Sufi yang berumur lima (5) bulan di dalam peti sejuk rumah pengasuh (Utusan Malaysia, 2018). Selain itu kes Muhammad Aidil Amsyar Muhammad Hafizuddin yang berumur 18 bulan yang mati akibat terjatuh ketika memanjat jeriji tingkap dalam bilik di rumah pengasuh (Berita Harian Online, 2019). Seterusnya kes kanak-kanak perempuan berusia empat (4) tahun yang mati akibat didera pengasuh yang juga suami isteri di sebuah rumah di jalan Yadi, Klang. Hasil bedah siasat mendapati mangsa meninggal dunia akibat kecederaan dalaman disebabkan hentakan objek tumpul selain terdapat 41 kesan kecederaan baru dan lama (Harian Metro, 2019).

Kanak-kanak adalah merupakan aset yang bernilai dalam keluarga serta aset yang penting bagi negara dan masyarakat kerana kanak-kanak adalah nadi tunjang bagi pembangunan sebuah negara pada masa hadapan (Norsaleha Mohd Salleh, Nabilah Huda Zaim, Zetty Nurzuliana Rashed, Noorhafizah Mohd Haridi, Kamal Azmi Abd Rahman, dan Norbahiah Misran, 2018). Apabila berlaku kes kematian bayi dan kanak-kanak dilaporkan dalam media sosial, masyarakat cenderung untuk mengetahui apakah punca kematian, dimanakah kematian itu berlaku dan siapakah suspek yang melakukan jenayah tersebut. Dalam keadaan ini siasatan kematian perlu dijalankan bagi mengetahui apakah punca sebenar kematian.

Negara Malaysia mempunyai Mahkamah khas yang menjalankan siasatan kematian. Mahkamah tersebut ialah Mahkamah Koroner. Mahkamah Koroner di Malaysia pada waktu ini banyak tertumpu kepada siasatan kematian orang dewasa. Antara yang paling popular dan sering dilaporkan di akhbar serta media sosial ialah siasatan kematian Teoh Beng Hock yang ditemui mati di bahagian koridor tingkat lima bangunan Plaza Masalam, Shah Alam yang

ketika itu menempatkan pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor (Malaysia Kini, 2019), siasatan kematian Penolong Pengarah Kastam Selangor Ahmad Sarbaini Mohamed yang mati jatuh dari Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Kuala Lumpur selepas berada pada belebas tingkap bangunan tersebut (Malaysia Kini, 2011), siasatan kematian pemandu teksi Baharuddin Ahmad yang meninggal dunia ketika menyertai perhimpunan haram pada 9hb. Julai 2011 (Mstar Online, 2012), dan akhir sekali ialah kes kematian anggota bomba Muhammad Adib Mohd Kassim yang mati akibat perbuatan jenayah oleh dua atau lebih individu yang tidak dikenali sewaktu negara Malaysia digemparkan dengan peristiwa rusuhan yang berlaku di tapak kuil Sri Maha Mariamman, USJ 25, Subang Jaya, Selangor (Berita Harian Online, 2019).

Bagi siasatan kematian kanak-kanak pula Mahkamah Koroner turut berbidangkuasa untuk menjalankan siasatan kematian iaitu salah satunya ialah kes kematian seorang pelajar tahfiz di Johor Bharu iaitu Mohamad Thaqif Amin Mohd Gaddafi yang kedua-dua kakinya dipotong berikutan dijangkiti kuman dan darah beku (Mymetro, 2019). Sebelum itu, kisahnya menular di laman sosial serta akhbar tempatan yang mana Mohamad Thaqif dikatakan telah dipukul dengan rotan oleh pembantu warden asramanya, namun keputusan Mahkamah Koroner menyatakan bahawa kematian Mohamad Thaqif adalah disebabkan komplikasi yang berkaitan dengan kencing tikus.

Tidak banyak siasatan kematian kanak-kanak dijalankan di Mahkamah Koroner di Malaysia. Artikel ini akan membahaskan bidangkuasa Mahkamah Koroner ke atas siasatan kematian kanak-kanak sewaktu dalam jagaan serta tatacara siasatan tersebut yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 334 Kanun Acara Jenayah (Akta 593) serta Arahan Amalan KHN Bil. 2 Tahun 2019. Perbandingan juga turut dilakukan di antara Mahkamah Koroner di Malaysia serta Amerika Syarikat. Objektif artikel ini ialah untuk membahaskan secara terperinci berkenaan dengan tatacara siasatan kematian kanak-kanak dalam jagaan, siapakah pihak yang terlibat dalam siasatan tersebut dan apakah peranan pihak tersebut sewaktu siasatan dijalankan di antara Malaysia dan Amerika Syarikat. Dapatan kajian artikel ini ialah melalui pendekatan kualitatif yang mana sumber kajian artikel ini di ambil daripada buku, artikel, laporan kes CLJ, laman web science direct, akta Akta Kanak-Kanak 2001(Akta 611), Arahan Amalan Bil. 2 Tahun 2019, dan Kanun Acara Jenayah (Akta 593).

DEFINISI DAN TUJUAN INKUES KEMATIAN

Inkues kematian adalah merupakan suatu proses penyiasatan yang dikendalikan oleh koroner untuk mengenal pasti punca kematian simati (Aminuddin Mustaffa dan Siti Nurul Aziera Moharani, 2012). Manakala *Black's Law Dictionary* telah mendefinisikan inkues kematian sebagai:-

“An inquiry by a coroner or medical examiner, sometimes with the aid of jury, into the manner of death of a person who has died under suspicious circumstances, or who has died in prison”.

Merujuk kepada definisi yang diberikan oleh *Black's Law Dictionary*, inkus kematian bermaksud siasatan kematian bagi simati yang meninggal dalam keadaan yang mencurigakan atau meninggal dalam penjara yang mana siasatan kematian tersebut dijalankan oleh koroner atau pegawai pemeriksa perubatan, dan kadang-kala turut dihadiri oleh juri bagi membantu proses siasatan kematian tersebut.

Seterusnya definisi kanak-kanak menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka ialah budak lelaki atau perempuan yang masih kecil yang kebiasaannya yang belum berumur lebih daripada tujuh (7) atau lapan (8) tahun (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Ketiga, 1996). Manakala definisi kanak-kanak di bawah Perkara 1, Konvensyen Hak Kanak-Kanak 1991 (KHKK) ialah seorang yang berumur bawah 18 tahun kecuali undang-undang yang terpakai bagi kanak-kanak itu mencapai umur dewasa sebelumnya (Wickneswaran A/L Kaliaperumal, 2005). Seterusnya Seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) telah mendefinisikan kanak-kanak sebagai seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun. Definisi kanak-kanak di dalam Seksyen 2 Akta 611 tersebut adalah selari dengan Perkara 1 Konvensyen Hak Kanak-Kanak 1991 yang membawa maksud yang sama.

Seterusnya Arahan Amalan Bil. 2 Tahun 2019 dalam perenggan 3 A (b) (Arahan Amalan, 2019) telah menjelaskan bahawa mana-mana orang yang mati semasa dalam jagaan, atau dalam hal keadaan yang menimbulkan keraguan mengenai penjagaan si mati boleh diadakan siasatan kematian bagi menyiasat punca kematian si mati. Berdasarkan penjelasan si mati yang mati dalam jagaan yang dinyatakan dalam Arahan Amalan Bil 2 Tahun 2019 dan definisi kanak-kanak yang diperuntukan dalam Seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) dan Perkara 1, Konvensyen Hak Kanak-Kanak 1991 (KHKK), ia membawa maksud kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah yang mati sewaktu dalam jagaan perlu melakukan inkues kematian kanak-kanak tersebut untuk mengetahui punca kematian kanak-kanak tersebut.

Tujuan inkues kematian ialah untuk mencari punca kematian si mati. Punca kematian yang telah ditakrifkan oleh Seksyen 328 Kanun Acara Jenayah (Akta 593) ialah punca kematian merangkumi semua perkara penting yang diperlukan bagi mencapai satu pendapat atau keputusan tentang cara bagaimana si mati menemui ajalnya.

PROSIDUR INKUES KEMATIAN KANAK-KANAK DALAM JAGAAN DI MALAYSIA

Di Malaysia mempunyai Garis Panduan Mengenai Siasatan Kematian (Peruntukan Yang Berkaitan Dalam Bahagian VIII Bab XXXII Seksyen 328-341 Kanun Tatacara Jenayah) yang telah ditetapkan dalam Lampiran A, Arahan Amalan Bil 2 Tahun 2019 (Arahan Amalan, 2019). Berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan dalam Arahan Amalan tersebut terdapat tiga (3) peringkat inkues kematian yang dijalankan di Mahkamah Koroner di Malaysia iaitu seperti berikut :-

1. Pengendalian Sebelum Siasatan Kematian :-

(A) Melihat Mayat Si Mati:

- i. Apabila Koroner / Majistert diberitahu tentang kematian seseorang semasa dalam jagaan di bawah Seksyen 329 atau kematian seseorang semasa dalam jagaan di bawah Seksyen 334 Kanun Tatacara Jenayah, Koroner / Majistret hendaklah, setakat mana yang bersesuaian :
 - Bersama Pegawai Perubatan, melihat dan memeriksa mayat *in situ*, untuk mengambil perhatian tentang apa-apa kecederaan atau tanda pada mayat;

- Mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan penemuan mayat (dalam kes kematian semasa dalam jagaan);

Apa-apa pemerhatian yang dibuat hendaklah dicatat secara bertulis dan catatan tersebut hendaklah menjadi sebahagian daripada nota Koroner / Majistret dalam Siasatan Kematian.

ii. Koroner / Majistret dengan bantuan pihak polis hendaklah:

- Memaklumkan dengan segera keluarga / waris kadim / orang yang berkepentingan tentang kematian si mati;
- Memaklumkan kepada keluarga / waris kadim / orang yang berkepentingan tentang apa-apa pemeriksaan post-mortem yang hendak dijalankan dan alasan bagi pemeriksaan post-mortem tersebut;

iii. Koroner / Majistret hendaklah memastikan bahawa mayat si mati diserahkan kepada keluarga / waris kadim untuk dikebumikan dengan seberapa segera dengan syarat siasatan dan / atau post-mortem yang perlu bagi maksud Siasatan Kematian telah dijalankan dengan sewajarnya. Apa-apa alasan kelewatan dalam serahan mayat si mati hendaklah direkodkan dalam nota Koroner / Majistret.

(B) Notis Untuk Mengadakan Siasatan Kematian :

Koroner / Majistret hendaklah dengan bantuan pihak polis, memaklumkan keluarga / waris kadim berkenaan dengan tarikh, masa dan tempat Siasatan Kematian. Notis ini hendaklah diserahkan tidak kurang dari dua (2) minggu sebelum tarikh Siasatan Kematian.

2. Siasatan Kematian:-

(A) Protokol Pemeriksaan Saksi:

Koroner / Majistret mempunyai kawalan terhadap prosiding, dan hendaklah memulakan pemeriksaan saksi, dan didikuti oleh pemeriksaan saksi oleh orang lain yang dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam Siasatan Kematian. Koroner / Majistret dibantu oleh Timbalan Pendakwa Raya.

(B) Kelayakan Pemeriksa Saksi:

Terdapat hanya “orang yang berkepentingan” sahaja dalam prosiding Siasatan Kematian. Koroner / Majistret hendaklah menggunakan budi bicaranya untuk menentukan siapa yang layak untuk memeriksa saksi, termasuk yang berikut:

- a) Ibu bapa, anak, pasangan dan mana-mana wakil diri bagi si mati;
- b) Mana-mana orang melakukan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang menyalahi undang-undang atau mana-mana ejen atau

perkhidmatannya boleh, menurut pendapat Koroner / Majistret, telah menyebabkan, atau menyumbang kepada, kematian si mati;

c) Seorang pemeriksa yang dilantik oleh, atau seorang wakil diri, pihak berkuasa yang menguat kuasa, atau mana-mana orang yang dilantik oleh Jabatan Kerajaan untuk menghadiri Siasatan Kematian; dan

d) Mana-mana orang lain, menurut pendapat Koroner / Majistret adalah orang yang berkepentingan.

(C) Penzahiran Dokumen:

Koroner / Majistret mempunyai budi bicara berkenaan dengan penzahiran dokumen. Budi bicara ini hendaklah secara amnya dilaksanakan untuk membenarkan penzahiran dokumen.

(D) Kelonggaran pemakaian tatacara dan kaedah keterangan:

Tatacara dan kaedah keterangan yang sesuai untuk proses *accusatorial* adalah tidak sesuai bagi proses siasatan. Koroner / Majistret tidak wajar membenarkan mana-mana cubaan oleh pihak-pihak berkepentingan untuk mempertikaikan kredibiliti saksi, sebagai contoh, melalui prosiding mencabar kebolehpercayaan (*impeachment proceedings*).

(E) Keterangan Yang Menjerat Diri Sendiri (*self incrimination*) :

Saksi yang hadir dalam prosiding Siasatan Kematian tidak perlu menjawab apa-apa soalan yang cenderung untuk menjerat diri saksi itu (*self incriminate*).

Jika seorang saksi telah ditanya dengan soalan sedemikian, Koroner / Majistret hendaklah memaklumkan kepada saksi bahawa dia boleh untuk tidak menjawab soalan itu.

(F) Dapatan Koroner / Majistret:

Koroner / Majistret yang mengendalikan Siasatan Kematian hendaklah membuat dapatan mengenai:-

- a) siapa si mati;
- b) bagaimana si mati mati;
- c) bila si mati mati;
- d) di mana si mati mati;
- e) sebab kematian si mati; dan
- f) mana-mana orang, yang melakukan perbuatan atau melakukan peninggalan yang menyalahi undang-undang yang menyebabkan kematian, tanpa membuat apa-apa dapatan mengenai liabiliti jenayah orang itu.

(G) Keputusan Koroner / Majistret:

Keputusan Siasatan Kematian oleh Koroner / Majistret tidak boleh menentukan persoalan mengenai:

- a) liabiliti jenayah; atau
 - b) liabiliti sivil.
- bagi seorang yang dinamakan.

Pada akhir Siasatan Kematian, Koroner / Majistret mesti menyampaikan keputusan berdasarkan mana-mana satu yang berikut:

- a) Mati yang tidak dapat ditentukan cara kematian;
- b) Mati akibat kemalangan;
- c) Mati akibat penyakit;
- d) Mati akibat perbuatan orang lain;
- e) Mati akibat perbuatan diri sendiri.

(H) Tempat Siasatan Kematian:

Tempata Siasatan Kematian hendaklah terbuka kepada orang awam tetapi Koroner / Majistret boleh, atas alasan tertentu yang suai manfaat, mengecualikan kehadiran orang awam atau mana-mana orang pada mana-mana peringkat siasatan (Seksyen 338 (2) Kanun Tatacara Jenayah).

(I) Penyegeraan Prosiding Siasatan Kematian :

Atas dasar kepentingan awam, suatu prosiding Siasatan Kematian hendaklah disegerakan dan diberi keutamaan. Prosiding Siasatan Kematian hendaklah dikendalikan secara berterusan sehingga tamat.

3. Pasca Prosiding Siasatan Kematian :-

Selesai dalam peringkat siasatan di Mahkamah Koroner, terdapat tiga (3) prosiding yang perlu dilaksanakan oleh Koroner / Majistret iaitu:-

- A. Koroner / Majistret hendaklah menghantar kepada Pendakwa Raya keseluruhan fail asal yang ditandatangani beserta suatu salinan nota keterangan dan dapatan yang diperakui dengan ditandatangani olehnya sebagai betul / sah.
- B. Koroner / Majistret dengan bantuan polis, hendaklah memaklumkan kepada keluarga / waris kadim tentang keputusan Siasatan Kematian.
- C. Koroner / Majistret boleh memberi salinan keputusan dan nota prosiding Siasatan Kematian kepada mana-mana orang berkepentingan atas permohonan secara bertulis.

Antara contoh kes inkues kematian yang telah dilaporkan dalam jurnal perundangan di Malaysia ialah kes *Chandran A/L Perumal [2015] 5 LNS 108*, *In Re Chung Sui Keong [2010] 1 LNS 93*, *Sara Lily & Satu Lagi lwn. Pendakwa Raya*

[2004] 7 CLJ 335. Walaupun ketiga-tiga kes tersebut bukanlah merupakan kes inkues kematian kanak-kanak dalam jagaan, namun kes-kes tersebut adalah merupakan kes rujukan (*landmark case*) bagi prosiding inkues kematian di Malaysia yang mana prosiding bagi inkues kematian tersebut adalah terpakai dan mengikat ke atas prosiding inkues kematian kanak-kanak dalam jagaan.

SISTEM INKUES KEMATIAN DI AMERIKA SYARIKAT

Di Amerika Syarikat, pejabat koroner diberi kuasa untuk menjalankan inkues kematian (C.H Wecht dan S.A Koehler. 2016). Menurut C.H Wecht dan S.A Koehler dalam penulisan mereka berkenaan “*Death Investigation Systems : Unites States of America*”, Inkues kematian di Amerika Syarikat secara amnya digunakan untuk menggambarkan prosidur formal koroner untuk siasatan ke atas sebab dan cara kematian, dan keadaan mana-mana kematian yang disebabkan oleh keganasan atau yang berlaku di bawah syarat-syarat yang memberi alasan untuk mengesyaki bahawa kematian itu mungkin disebabkan perbuatan jenayah atau kecuaiannya jenayah. Sebab-sebab untuk mengadakan inkues juga boleh termasuk kes di mana seorang individu meninggal semasa beberapa interaksi dengan pegawai penguatkuasa undang-undang, kematian semasa penjara, kematian di rumah penjagaan, atau di hospital mental. Seorang koroner juga boleh menjalankan inkues ke atas penyebab kebakaran di mana kehidupan atau harta benda telah hilang atau terancam atau menjalankan inkues atas arahan daripada Peguam Negara. Prosedur ini ditadbir sebagai sebahagian daripada tugas umum koroner untuk penyiasatan kematian.

Semasa inkues, koroner mempunyai kuasa untuk menyoal orang yang telah mengangkat sumpah, saksi sepina, dan mengarahkan mereka mengemukakan kertas dan dokumen yang relevan yang berkaitan dengan siasatan inkues tersebut. Pada akhir prosiding, koroner mesti menyediakan penentuan rasmi sebab dan cara kematian dan perlu menyediakan laporan bertulis untuk prosiding undang-undang selanjutnya dan juga pemeriksaan awam.

Prosiding inkues di Amerika Syarikat terbahagi kepada dua (2) peringkat iaitu seperti berikut :-

1. Secara tertutup :

Peringkat pertama ini adalah merupakan pendengaran awal inkues, yang dimulakan oleh Peguam Daerah (*District Attorney*) atau Pegawai Polis yang telah dilantik oleh kerajaan. Kebiasaannya dalam peringkat ini bermula dengan kehadiran suspek di pejabat koroner (*the arraignment of the suspect*) di mana tuduhan formal dibacakan ke atas suspek dan suspek secara rasmi didakwa dengan kesalahan jenayah dan diminta untuk membuat pengakuan. Kebiasaannya pada waktu ini Peguam Daerah atau Pegawai Polis akan mengatur perlantikan seorang Peguam untuk mewakili tertuduh (OKT) dan penetapan jaminan akan dilakukan (www.nolo.com, 2020). Kemudian tarikh inkues akan ditetapkan dalam tempoh tiga (3) hingga sepuluh (10) hari selepas daripada hari *arraignment* tersebut.

2. Secara terbuka :

Inkues terbuka dijalankan oleh Peguamcara Koroner. Keterangan dibentangkan oleh saksi, pegawai penguatkuasa undang-undang, dan pakar perubatan. Perbicaraan prosiding inkues dijalankan secara terbuka bagi mencari fakta dan prosiding tersebut adalah terbuka kepada orang ramai. Prosiding inkues di Amerika Syarikat turut

mempunyai Koroner / Majistret seperti di Malaysia, dan ia dipanggil sebagai Juri Koroner. Juri Koroner akan turut hadir sewaktu prosiding inkues terbuka.

Selesai perbicaraan inkues terbuka tersebut, Juri Koroner kemudian akan beredar dari prosiding terbuka tersebut bagi membincangkan fakta dan bukti yang dibentangkan dan mengembalikan semula penemuannya sendiri dalam kes itu. Penemuan ini terdiri daripada penentuan rasmi sebab dan cara kematian. Apabila terdapat orang yang dikenal pasti untuk bertanggungjawab secara jenayah terhadap kematian, orang tersebut dipertanggungjawabkan untuk prosiding selanjutnya di mahkamah.

Seorang jurubahasa mahkamah akan hadir disetiap prosiding inkues terbuka, di mana tugasnya ialah untuk mencatat setiap butir kata yang dituturkan sewaktu prosiding terbuka tersebut. Juri Koroner perlu mengekalkan dokumen asal dan satu salinan akan dikemukakan kepada Pejabat Peguam Daerah. Sekiranya Juri Koroner memutuskan bahawa kes *prima facie* wujud terhadap mana-mana orang atas kesalahan yang boleh diduga, dia boleh membuat seseorang itu agar dibicarakan di Mahkamah Daerah atau Mahkamah Agung. Di bawah berikut adalah gambar jurubahasa dan juga mesin taip yang digunakan sewaktu prosiding sedang berjalan :-



Di bawah undang-undang negeri, koroner mempunyai kuasa untuk memanggil, dan boleh memaksa kehadiran mana-mana saksi pada inkues terbuka dalam mana-mana kematian yang tertakluk di bawah bidang kuasa koroner.

Di samping mewujudkan sebab dan cara kematian, dan sama ada seseorang itu bertanggungjawab terhadap kesalahan jenayahnya, koroner boleh menggunakan inkues terbuka sebagai forum untuk membawa perubahan dalam undang-undang dan peraturan bagi mewujudkan kesedaran awam tentang isu-isu kesihatan dan keselamatan. Kuasa inkues terbuka untuk membawa perubahan-perubahan yang secara langsung memberi kesan kepada kesihatan, keselamatan, dan kebajikan warga daerah di mana pejabat koroner itu berfungsi sebagai salah satu kekuatan hebat sistem tradisional ini. Inkues di Amerika Syarikat telah menyebabkan wujudnya peraturan mengawal keselamatan kolam renang di belakang rumah, memasukkan perubahan dalam ciri keselamatan di stadium sukan, sistem pengangkutan, rumah kejururawatan, hospital, dan taman permainan.

PERBANDINGAN SIASATAN KEMATIAN KANAK-KANAK DALAM JAGAAN ANTARA MALAYSIA DAN AMERIKA SYARIKAT

Hasil daripada penulisan di atas, terdapat beberapa perbandingan yang dapat dikeluarkan berkenaan dengan Siasatan Kematian yang dijalankan di Mahkamah Koroner Malaysia dan Pejabat Koroner di Amerika Syarikat.

Tujuan siasatan kematian di antara Malaysia dan Amerika Syarikat adalah sama iaitu ingin mencari punca kematian. Mahkamah Koroner di Malaysia dan Pejabat Koroner di Amerika Syarikat tidak mempunyai sebarang kuasa untuk mensabitkan dan menjatuhkan hukuman ke atas pelaku jenayah yang menyebabkan kematian si mati sewaktu prosiding siasatan kematian dijalankan. Namun, Juri Koroner di Amerika Syarikat boleh membawa pelaku jenayah ke Mahkamah Daerah ataupun Mahkamah Agung jika Juri Koroner mendapati wujud kes *prima facie* dalam siasatan kematian tersebut.

Prosiding siasatan kematian di Mahkamah Koroner di Malaysia mempunyai tiga (3) peringkat iaitu peringkat pertama ialah pengendalian sebelum siasatan kematian. Dalam peringkat pertama ini, Koroner / Majistret boleh sama ada untuk melihat mayat si mati ataupun mengeluarkan notis untuk mengadakan siasatan kematian yang mana notis tersebut hendaklah diberikan kepada waris / keluarga / kadim tidak kurang dari dua (2) minggu sebelum tarikh siasatan kematian.

Peringkat kedua pula ialah siasatan kematian yang mana dijalankan di Mahkamah Koroner. Dalam peringkat ini, Koroner / Majistret perlu memeriksa kelayakan saksi sama ada saksi-saksi adalah layak untuk memberi keterangan. Koroner / Majistret juga mempunyai budi bicara berkenaan penzahiran dokumen. Siasatan kematian pula dijalankan secara terbuka bagi orang awam, namun Koroner / Majistret boleh atas alasan tertentu boleh untuk mengecualikan kehadiran orang awam atau mana-mana orang sewaktu peringkat kedua ini. Koroner / Majistret juga tidak teringkat dengan pemakaian tatacara dan kaedah keterangan sewaktu prosiding. Dan sewaktu prosiding di peringkat kedua ini, Koroner / Majistret tidak boleh memutuskan apa-apa kesalahan jenayah ataupun sivil ke atas pelaku jenayah yang menyebabkan kematian si mati.

Dan terakhir sekali ialah peringkat ketiga iaitu pasca prosiding siasatan kematian. Diperingkat ketiga ini, Koroner / Majistret perlu menyerahkan keseluruhan fail asal serta salinan nota keterangan yang telah ditandatangani kepada pihak Pendakwa Raya. Dalam peringkat ketiga ini juga, Koroner / Majistret dengan bantuan pihak polis perlu memaklumkan keputusan siasatan kematian kepada waris / ahli keluarga / kadim si mati. Jika terdapat satu permohonan bertulis daripada ahli keluarga si mati atau dari mana-mana orang yang berkepentingan bagi untuk mendapatkan satu salinan nota keterangan dan juga keputusan siasatan kematian, maka Koroner / Majistret perlu menyediakan dan memberikan kepada pemohon tersebut.

Manakala prosiding siasatan kematian di Pejabat Koroner di Amerika Syarikat pula hanya mempunyai dua (2) peringkat prosiding sahaja iaitu peringkat pertama dijalankan secara tertutup oleh Peguam Daerah (*District Attorney*) atau Pegawai Polis yang telah dilantik oleh kerajaan. Peringkat ini adalah merupakan pendengaran awal prosiding. Peringkat ini bermula dengan kehadiran suspek di pejabat koroner (*the arraignment of the suspect*) di mana tuduhan formal dibacakan ke atas suspek dan suspek secara rasmi didakwa dengan kesalahan jenayah dan diminta untuk membuat pengakuan. Manakala Peguam Daerah atau Pegawai Polis akan mengatur perlantikan seorang Peguambela untuk mewakili tertuduh dan penetapan jaminan

akan dilakukan. Kemudian tarikh siasatan kematian akan ditetapkan dalam tempoh tiga (3) hingga sepuluh (10) hari selepas daripada hari *arraignment* tersebut.

Peringkat kedua pula dijalankan secara terbuka bagi mencari fakta dan prosiding tersebut adalah terbuka kepada orang ramai dan dijalankan oleh Peguamcara Koroner. Keterangan dibentangkan oleh saksi, pegawai penguatkuasa undang-undang, dan pakar perubatan. Juri Koroner akan turut hadir sewaktu prosiding terbuka tersebut. Selesai prosiding terbuka tersebut, Juri Koroner kemudian akan meninggalkan prosiding terbuka bagi membincangkan bukti yang dibentangkan sewaktu dalam prosiding dan membacakan dapatannya sendiri terhadap kes itu. Dapatan Juri Koroner adalah terdiri daripada penentuan rasmi sebab dan cara kematian. Apabila terdapat orang yang dikenal pasti untuk bertanggungjawab secara jenayah terhadap kematian, orang tersebut dipertanggungjawabkan untuk prosiding selanjutnya di Mahkamah Daerah ataupun Mahkamah Agung.

Perbandingan seterusnya ialah, prosiding Mahkamah Koroner di Malaysia bukanlah suatu prosiding perbicaraan kerana tiada sebarang pendakwaan, pertuduhan, sabitan, dan apa-apa kes untuk dibicarakan di Mahkamah tersebut. Hal ini kerana, Prosiding dalam Mahkamah Koroner di Malaysia hanyalah suatu siasatan bagi mencari punca kematian si mati sahaja. Manakala prosiding di Pejabat Koroner di Amerika Syarikat pula adalah seperti prosiding perbicaraan kerana ada pendakwaan, pertuduhan dan sabitan yang telah dijalankan sewaktu prosiding diperingkat pertama yang dijalankan secara tertutup. Malah, pihak tertuduh sewaktu diperingkat pertama tersebut diberikan hak untuk melantik peguambela sebelum prosiding diperingkat kedua dijalankan.

Begitulah perbandingan prosiding siasatan kematian di Mahkamah Koroner di Malaysia dan juga prosiding siasatan kematian di Pejabat Koroner di Amerika Syarikat. Prosiding bagi kedua-dua institusi kehakiman tersebut adalah terpakai ke atas mana-mana kes yang melibatkan kematian terutamanya kes kematian yang mencurigakan dan ada unsur jenayah di dalamnya termasuklah kes kematian yang melibatkan kanak-kanak yang mati sewaktu berada dalam jagaan seseorang.

PENUTUP

Mahkamah Koroner di Malaysia adalah merupakan salah satu badan kehakiman yang sangat penting kerana ia telah banyak membantu menyelesaikan pelbagai masalah penyiasatan kematian yang mencurigakan. Namun malangnya negara Malaysia tidak mempunyai perundangan bertulis khas berkaitan dengan inkues kematian. Kes inkues di Malaysia hanya tertakluk dalam Bahagian VIII Bab XXXII Seksyen 328-341 Kanun Tatacara Jenayah dan Arahan Amalan Bil 2 Tahun 2019 sahaja. Seharusnya kerajaan perlu mewujudkan undang-undang bertulis khas yang berkaitan dengan inkues kematian dan juga prosiding khas Koroner agar perjalanan kes inkues di Mahkamah Koroner di Malaysia berjalan dengan lancar dan teratur seperti di Negara England yang mempunyai peruntukan bertulis khas iaitu "*English Coroner Rules*" bagi membantu Koroner mendapat maklumat sepenuhnya mengenai siasatan kematian sebelum memutuskan kes (Anuar Bin Ayob. 2007).

Selain itu, bagi memperkasakan lagi sistem inkues di Malaysia, seseorang yang dilantik untuk menjadi Koroner / Majistret di Mahkamah Koroner perlu mempunyai sijil ataupun lesen khas yang berkaitan dengan inkues kematian, ataupun mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang siasatan kematian, jenayah, ataupun pernah menjawat jawatan pegawai pemeriksaan

perubatan di hospital kerajaan sepertimana yang telah dilaksanakan di England. Dengan adanya syarat tersebut, ia secara tidak langsung mewujudkan satu jawatan khas dalam bidang kehakiman Malaysia. Jika kita lihat keadaan Mahkamah Koroner di Malaysia sekarang ini, Koroner yang dilantik bagi menyiasat siasatan kematian di Malaysia adalah merupakan seorang Majistret dari Mahkamah yang sedia ada. Jika sesuatu kes siasatan kematian perlu dijalankan, maka Majistret tersebut perlu beralih tugas yang telah sedia ada ke Mahkamah Koroner. Ini secara jelas menunjukkan Koroner di Malaysia bukanlah terdiri daripada seorang yang mempunyai kepakaran yang mendalam terhadap bidang inkues kematian.

Selain itu, negara perlu mewujudkan satu penubuhan unit pendakwaan khas bagi kes kematian. Ia bertujuan untuk memastikn kelancaran dalam proses membuat keputusan dan arahan. Pada masa sekarang, unit pendakwaan di setiap negeri bertanggungjawab dalam mengendalikan kes pendakwaan jenayah, termasuklan kes berkaitan dengan inkues kematian. Memandangkan bebanan kerja yang banyak dan juga pertambahan kes kematian, masa yang diambil untuk meneliti fail berkaitan kematian adalah lama dan tidak lancer. Oleh itu dicadangkan agar satu unit khas pendakwaan diwujudkan bagi mengendalikan kes berkaitan inkues kematian.

Seterusnya adalah penambahbaikan dari sudut had masa. Bab XXXII KAJ memperuntukan prosidur berkaitan dengan siasatan kematian dan prosiding inkues kematian serta peranan setiap pihak terbabit iaitu polis, mahkamah dan pendakwa raya dalam melaksanakan tugas mereka. Namun KAJ tidak secara spesifik menyatakan tempoh masa bagi penyelesaian tempoh siasatan kematian yang dikendalikan oleh pegawai penyiasat polis sebelum diserahkan kepada pihak polis. Begitu juga tiada tempoh masa tertentu ditetapkan bagi majistret membuat penelitian terhadap setiap fail siasatan kematian yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai penyiasat polis. Memandangkan tiada tempoh atau had masa yang ditetapkan, maka kadang-kala perkara ini berlanjutan dan mengakibatkan kelewatan yang tidak munasabah dalam pengendalian siasatan oleh pihak pegawai penyiasat dan juga penelitian fail siasatan oleh pihak majistret. Dengan adanya had masa yang khusus ini dapat memastikan bahawa pihak yang melaksanakan tugas diberikan tempoh masa yang munasabah, sekali gus mengelakkan daripada berlakunya kes tertunggak.

RUJUKAN

- Anuar Bin Ayob. 2007. *Kelemahan Sistem Inkues Dan Permasalahan Prosidur Siasatan Kematian Dalam Jagaan Polis Di Malaysia*. Universiti Malaya. Hlm 137.
- Aminuddin Mustaffa dan Siti Nurul Aziera Moharani. 2012. *Pengendalian Inkues Kematian Di Bawah Undang-Undang Malaysia*. 24 Kanun (2) Disember 2012. Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm 194.
- Bryan A. Garner. *Black's Law Dictionary*. 8th Edition. Thomson and West.
- Berita Harian Online. 2019. *Bayi 18 Bulan Mati Di Rumah Pengasuh*. 20hb. April, 2019. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/04/555118/bayi-18-bulan-mati-di-rumah-pengasuh>. (20 Mac, 2020).
- Bharian Online. 2019. *Kematian Muhammad Adib Akibat Perbuatan Jenayah - Mahkamah Koroner*. 27hb. September, 2019. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/09/611432/kematian-muhammad-adib-akibat-perbuatan-jenayah-mahkamah-koroner>. (20hb. Mac, 2020).
- C.H Wecht dan S.A Koehler. 2016. *Death Investigation Systems: United States of America*. Encyclopedia Of Forensic And Legal Medicine (Second Editon). <https://www.sciencedirect.com/topics/medicine-and-dentistry/coroner>. (23 Mac, 2020).

- Harian Metro. 2019. *Kanak-Kanak Maut Didera Pengasuh*. 2hb. Oktober, 2019. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/10/502663/kanak-kanak-maut-didera-pengasuh>. (20 Mac, 2020).
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2012. *Garis Panduan Pemeriksaan Pemantauan Taska*. Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit (NCD), Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia. Hlm 7.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Ketiga. 1996. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm 570.
- Malaysia Kini. 2019. *10 Tahun Kes Beng Hock: 5 Misteri Belum Dirungkai*. 15hb. Julai, 2019. <https://www.malaysiakini.com/news/483937>. (20hb. Mac, 2020).
- Malaysia Kini. 2011. *Inkues: Tiasda Unsur Jenayah Dalam Kematian Sarbaini*. 26hb. September, 2011. <https://www.malaysiakini.com/news/176909>. (20 Mac, 2020).
- Mstar Online. 2012. *Kematian Baharuddin Ahmad Akibat Sebab Semula Jadi*. 15hb. September 2012. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2012/09/15/kematian-baharudin-ahmad-akibat-sebab-semula-jadi>. (20hb. Mac, 2020).
- Mymetro. 2019. *Kematian Mohamad Thaqif Tiada Unsur Jenayah*. 21hb. Mac, 2019. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/03/436162/kematian-mohamad-thaqif-tiada-unsur-jenayah>. (20 Mac, 2020).
- Norsaleha Mohd Salleh, Nabilah Huda Zaim, Zetty Nurzuliana Rashed, Noorhafizah Mohd Haridi, Kamal Azmi Abd Rahman, dan Norbahiah Misran. 2018. *Statistik kes Penderaan Kanak-Kanak Di Malaysia: Satu Analisis*. International Journal for Studies on Children, Women, Elderly And Disable, Vol. 5 (Oct.) ISSN 0128-309X. Hlm 17.
- Utusan Malaysia. 2018. *Tangani Pengasuh Yang Tidak Bertauliah*. 24hb. Julai, 2018. Hlm 9.
- Wickneswaran A/L Kaliaperumal. 2005. *Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak*. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). Hlm 7-8. <https://www.cjljlawcom.ezplib.ukm.my/Members/DisplayCase.aspx?CaseId=2993041284&SearchId=7puukm4>. (21 Mac, 2020). <https://www.cjljlawcom.ezplib.ukm.my/Members/DisplayCase.aspx?CaseId=2873960450&SearchId=7puukm4>. (21 Mac, 2020). <https://www.cjljlawcom.ezplib.ukm.my/Members/DisplayCase.aspx?CaseId=2743863809&SearchId=7puukm4>. (21 Mac, 2020). <https://www.nolo.com/dictionary/arraignment-term.html>. (23 Mac, 2020).

STATUT

- Akta Kanak-Kanak 2001(Akta 611).
Arahan Amalan Bil. 2 Tahun 2019.
Kanun Acara Jenayah (Akta 593).

KES-KES

- Chandran A/L Perumal* [2015] 5 LNS 108
In Re Chung Sui Keong [2010] 1 LNS 93
Sara Lily & Satu Lagi lwn. Pendakwa Raya [2004] 7 CLJ 335